BAB III

PEMILIHAN GABENOR SUMATRA BARAT ERA ORDE LAMA (1950-1965)

Sepanjang era Orde Lama telah berlaku empat kali pergantian pimpinan tertinggi (gabenor) daerah Sumatra Barat iaitu tahun 1950 perlantikan Ruslan Muljohardjo (RM), tahun 1956 penyerahan jawatan dari RM kepada Ahmad Husein, tahun 1958 pengangkatan Kaharoeddin Datuk Rangkayo Basa (KDRB) dan tahun 1965 pergantian KDRB dengan Soepoetro Brotodiredjo. Pergantian tersebut berhubung kait dengan peristiwa politik yang melingkupinya. Bahagian ini akan menjelaskan pergantian tersebut untuk mendapatkan gambaran dinamika hubungan pusat dan daerah di Indonesia pada era ini.

III. 1. Mencabar Campur Tangan Pusat

Berasaskan keputusan *Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia* (PPKI)[1] pada 19 hb Ogos 1945, Sumatra ditetapkan menjadi sebuah propinsi yang dipimpin oleh seorang Gabenor. Kota Medan yang terletak di Sumatra Utara ditetapkan sebagai ibu kota propinsi Sumatra. Gabenor pertama Propinsi Sumatera ialah Teuku Mohammad Hasan, seorang tokoh yang berasal dari Aceh.

Pada 12 hb April 1946 Gabenor Sumatra mengeluarkan maklumat Nombor 8/ M.G.S yang menetapkan dua keputusan. *Pertama*, di propinsi Sumatra akan dibentuk unit-unit administrative yang lebih kecil iaitu keresidenan, kota otonom, dan daerah-daerah lain yang dianggap perlu. *Kedua*, dibentuk sejenis dewan legislative dengan nama Dewan Perwakilan Sumatra (DPS) yang beranggotakan 100 orang[2].

Dalam mesyuarat pertamanya di Medan pada 17 hb April 1946 DPS memutuskan untuk membagi propinsi Sumatra menjadi 3 sub-propinsi. Ketiga sub propinsi tersebut adalah:

1. Sub-propinsi Sumatra Selatan yang meliputi keresidenan Bangka-Belitung, Bengkulu, Lampung dan Palembang.
2. Sub-propinsi Sumatra Tengah yang meliputi keresidenan Jambi, Riau dan Sumatra Barat.
3. Sub-propinsi Sumatra Utara yang meliputi keresidenan Aceh, Sumatra Timur dan Tapanuli.

Untuk menyelenggarakan urusan pemerintahan, sub-propinsi dipimpin oleh seorang Gabenor Muda yang masing-masing bertindak menurut keadaan pada tiap-tiap sub-propinsi. Keadaan ini memperlihatkan bahawa secara *de facto* telah terbentuk tiga propinsi di Sumatra. Menyadari keadaan tersebut, pemerintah pusat mengesahkan UU No. 10 Tahun 1948 yang membagi Sumatra menjadi tiga propinsi iaitu Propinsi Sumatra Selatan, Sumatra Tengah dan Sumatra Utara.

Langkah awal yang dilakukan oleh pemerintah pusat adalah menentukan Gabenor pada tiap-tiap propinsi. Gabenor pertama untuk propinsi Sumatra Selatan adalah Dr. M. Isa, Sumatra Tengah adalah M. Nasroen dan untuk Sumatra Utara adalah S.M. Amin. Dengan pelantikan para Gabenor ini tidak secara otomatis Tengku Moh. Hasan selesai tugasnya kerana berasaskan Peraturan Pemerintah No. 42 Tahun 1948 ia ditunjuk menjadi Komisariat Pemerintah Pusat [3] di Sumatra yang berkedudukan di Bukittinggi.

1. Konflik di Dewan Perwakilan Rakyat Sumatra Tengah

Rancangan pemilihan Gabenor baru menjadi titik awal krisis politik di Sumatra Tengah kerana Nasroen dinggap sangat lamban dan bersikap sangat moderat bila berdepan dengan pemerintah pusat dan ini merupakan salah satu alasan ia tidak disukai oleh DPRST yang majoriti berasal dari Parti Masyumi.[4]

Ketidaksukaan DPRST kepada Nasroen terlihat jelas dalam Sidang Pleno DPRST pada 3-12 hb April 1950, dimana, 15 orang anggota DPRST menandatangani "mosi tidak percaya' kepada Gabenor Nasroen. Mosi ini dikenal dengan "Mosi Tan Tuah"[5] yang secara tegas meminta pemerintah pusat memindahkan Gabenor Sumatra Tengah Muhammad

Nasroen. Peristiwa ini dapat dinggap sebagai cabaran dalam pertumbuhan demokrasi di Sumatra Tengah setelah kemerdekaan. Bahkan mosi ini menimbulkan perseteruan terbuka antara DPRST dengan Gabenor Nasroen.

Menjawab Mosi Tan Tuah, Menteri Dalam Negari Susanto Tirtoprodjo mula-mula berupaya mempertahankan kedudukan Nasroen dengan alasan ia adalah orang pintar, pakar hukum dan putra Minang yang sebetulnya cocok sekali memimpin Sumatra Tengah yang dominan orang Sumatra Barat (Minangkabau).[6] Alasan ini tidak dapat meredakan ketegangan kerana DPRST tetap dengan pendiriannya, menolak Nasroen sebagai gabenor.

Kemelut politik yang terjadi di daerah ini semakin memasuki suasana tegang kerana Gabenor Nasroen tidak tinggal diam mengahadapi mosi yang disampaikan DPRST. Sebaliknya dia melakukan "serangan balasan" dengan mengeluarkan ultimatum; *"kalau tidak ada jalan kompromi maka DPRST bubar atau saya pergi"*. Pertikaian ini diakhiri dengan "kemenangan" DPRST kerana awal Ogos 1950 Nasroen mengakhiri kemelut tersebut dengan meninggalkan Sumatra Tengah.

Walaupun Nasroen sudah bersara dari Sumatra Tengah, ini tidak serta merta meredakan ketegangan di DPRST. Kepergian Nasroen menimbulkan konflik baru kerana akan dilakukan pemilihan gabenor baru. Hal ini terjadi kerana beberapa hal, *pertama*, kelompok Mosi Tan Tuah menginginkan Iljas Jacoub – Pengurusi DPRST – sebagai pengganti Nasroen, tetapi anggota-anggota lain tidak sepakat dengan pendapat ini. Mereka mencadangkan tiga nama lain sebagai calon gabenor yang akan disampaikan kepada pemerintah pusat, Tiga nama tersebut adalah M. Djamil, A. Rahim Usman dan Muhammad Rasjid. *Kedua*, dalam DPRST muncul mosi baru yang dikemukakan oleh parti adat Majelis Tinggi Kerapatan Adat Alam Minagkabau (MTKAAM) yang dipelopori oleh Datuk Simaradjo. Mosi ini menuntut perubahan dalam pemerintahan kerana mereka menghendaki tugas gabenor tersebut diambil oleh DPRST. *Ketiga*, munculnya kelompok lain yang menghendaki agar DPRST dibubarkan. Kelompok yang ketiga ini muncul kerana melihat krisis berkepanjangan yang terjadi di DPRST.

2. *Menolak* Acting *Gabenor dari Pusat*

Konflik yang terjadi terus berlanjut kerana pemerintah pusat lambat memberikan respons terhadap perkembangan yang wujud di Sumatra Tengah terutama dalam menentukan gabenor yang akan menggantikan Muhammad Nasroen. Kelambanan ini wujud kerana adanya perubahan pada peringkat pusat iaitu pertukaran dari bentuk negara serikat menjadi negara kesatuan pada tarikh 17 hb Ogos 1950. Perubahan ini juga diikuti dengan perubahan dalam sistem pemerintahan dari sistem presidensial menjadi sistem parlementer. Pergantian ini telah menempatkan Muhammad Natsir sebagai Perdana Menteri.[7]

Perlantikan Muhammad Natsir sebagai Perdana Menteri memberikan kesan kepada perkembangan politik tempatan di daerah ini. Setelah satu bulan memegang jawatan, Muhammad Natsir memerintahkan Menteri Dalam Negeri Asaat[8] menyelesaikan konflik yang wujud di Sumatra Tengah. Jalan keluar yang diambil oleh Asaat untuk menyelesaikan pertikaian politik tersebut adalah menunjuk gabenor baru yang akan memimpin Sumatra Tengah, setelah dibiarkan kosong selama beberapa bulan. Tokoh yang diangkat adalah lain dari nama-nama yang pernah dicadangkan DPRST iaitu Ruslan Muljohardjo seorang pegawai kanan pada Kementerian Dalam Negeri yang secara kebetulan tokoh parti Masyumi dan berasal dari Jawa. Ia ditetapkan sebagai *acting* Gabenor Sumatra Tengah. Kemudian diketahui bahawa penunjukan Ruslan Muljohardjo adalah atas rekomendasi Wakil Presiden Muhammad Hatta.[9]

Mengapa Ruslan Muljohardjo? Mengapa tidak tokoh lain yang juga berasal dari Sumatra Tengah? Atau mengapa tidak salah satu nama yang diusulkan oleh DPRST? Ini adalah beberapa pertanyaan yang patut dikemukakan untuk mengkaji semula keputusan yang dilakukan oleh pemerintah pusat.

Ada beberapa pertimbangan pemerintah pusat memilih Ruslan Muljohardjo. *Pertama*, memilih salah satu nama yang dicadangkan oleh DPRST dapat menimbulkan pertikaian di antara kekuatan parti yang ada di DPRST. Walaupun Masyumi adalah parti majoriti, tetapi dukungan terhadap calon Masyumi (Iljas Jacoub) juga mendapat tantangan dari parti-parti lain di DPRST. *Kedua*, perlantikan Ruslan Muljohardjo adalah bersifat

sementara sampai pilihan raya dilaksanakan. Kalau pilihan raya telah berjaya mengundi anggota DPRST yang baru, maka akan dilakukan pemilihan gabenor yang *definite*. *Ketiga*, kerana Masyumi adalah kekuatan majoriti di DPRST, maka penunjukan Ruslan Muljohardjo yang juga anggota Masyumi diharapkan dapat diterima oleh kekuatan-kekuatan yang ada di DPRST.

Untuk menentukan pendirian terhadap Keputusan Menteri Dalam Negeri, DPRST mengadakan mesyuarat khas di Bukittinggi beberapa hari setelah peristiwa tersebut. Mesyuarat tersebut memutuskan dengan suara bulat, menolak kebijakan yang diambil pemerintah pusat. Tegasnya, DPRST tidak membenarkan Ruslan Muljohardjo dan melarang dilakukan timbang terima jawatan gabenor. Sementara itu, Ruslan Muljohardjo yang sudah terlanjur datang ke Bukittinggi harus kembali semula ke Jakarta kerana melihat kuatnya penolakan atas perlantikan sebagai Gabenor Sumatra Tengah. Dengan penolakan ini, DPRST mempunyai lawan politik baru iaitu pemerintah pusat di samping lawan politik lamanya Muhammad Nasroen.

Penolakan DPRST adalah kerana dua alasan pokok. *Pertama*, bagi DPRST, keputusan Menteri Dalam Negeri adalah bukti campur tangan pemerintah pusat terhadap keinginan daerah. Di samping itu, DPRST merasa bahawa pemerintah pusat tidak menghargai keputusan politik yang telah dilakukan daerah. *Kedua*, DPRST keberatan kerana tokoh yang ditunjuk berasal dari Jawa.

Keputusan yang diambil oleh DPRST dianggap oleh Muhammad Natsir sebagai tindakan pembangkangan yang berlebihan mengingat dirinya bukan saja sebagai Perdana Menteri tetapi juga pengurusi Masyumi di peringkat pusat, iaitu parti yang majoriti di DPRST. Oleh kerana itu, pemerintah pusat dengan Peraturan Pemeruntah Nomor 1 Tahun 1951 mengambil langkah yang sangat radikal iaitu membekukan DPRST.[10] PM. Natsir melihat ini adalah upaya mengurangkan ketegangan hubungan pusat dan daerah.[11]

Pembekuan DPRST adalah merupakan langkah strategik yang dilakukan oleh pemerintah pusat kerana dengan cara ini keinginan pemerintah pusat untuk menunjuk Ruslan Muljohardjo menjadi gabenor tidak akan mendapat hambatan. Hal ini terbukti pada tanggal

13 hb Januari 1951 Ruslan Muljohardjo dilantik secara resmi sebagai *acting* gabenor Sumatra Tengah.

Bagi daerah, peristiwa ini mengambarkan bahawa pemerintah pusat sangat dominan dalam kehidupan politik nasional. Bahkan, demi pencapaian kehendak, pemerintah pusat melakukan tindakan yang pada prinsipnya melemahkan sendi kehidupan yang berasaskan demokrasi. Berikutan dengan peristiwa pembekuan DPRST, Sumatra Tengah kehilangan alat kelengkapan demokrasi. Dengan demikian, gabenor menjalankan tugasnya tanpa kawalan dari lembaga legislatif. Kuasa besar pemerintah pusat semakin kelihatan dengan jelas ketika memperkukuh kedudukan *acting* gabenor menjadi gabenor yang sesungguhnya pada pertengahan bulan Mei 1951.

3. Reaksi Sumatra Tengah

Krisis ekonomi dan politik di tingkat nasional menimbulkan "krisis kepercayaan" terhadap pimpinan negara. Krisis yang timbul begitu mendalam dan tidak mudah mengatasinya. Oleh kerana itu, daerah mulai secara terbuka mengeluarkan kritik kepada pemerintah pusat. Hal ini sangat terasa di Sumatra Tengah. Protes dan kritik ini kemudian menjelma menjadi gerakan daerah untuk mengadakan perlawanan kepada pemerintah pusat.

Perlawanan Sumatra Tengah terhadap pemerintah pusat bermula dari perlantikan Ruslan Muljohardjo sebagai *acting* Gabenor Sumatra Tengah pada 9 November 1950. Bagi Dewan Perwakilan Rakyat Sumatra Tengah (DPRST) keputusan perlantikan tersebut adalah bukti nyata campur tangan pemerintah pusat terhadap daerah. Di samping itu, DPRST telah dipermalukan oleh pemerintah pusat kerana sebelum keputusan ini dikeluarkan DPRST telah mengirimkan empat nama[12] untuk diangkat menjadi Gabenor Sumatra Tengah. Tetapi yang ditunjuk adalah nama lain, dan Ruslan Muljohardjo yang berasal dari Jawa Barat. Jelas ia bukan tokoh politik yang berasal dari Sumatra Tengah.

Di samping itu, rancangan untuk melakukan program "*Reorganisasi dan Rasionalisasi*" (Re-Ra)[13] di Markas Besar Angkatan Darat dengan maksud hendak melakukan pengurangan terhadap jumlah militer sampai angka 50 % telah menimbulkan

beberapa akibat di Sumatra Tengah. *Pertama*, pengurangan Divisi Banteng dari sebuah divisi yang kuat dan besar menjadi hanya satu brigade dengan bebarapa batalion sahaja. Bahkan pemerintah pusat menghapus satu batalion berpengaruh iaitu Batalion Pagaruyung.[14] *Kedua*, dari kekuatan yang sudah diciutkan tersebut, kekuatan inti batalionnya dipindahtugaskan atau dikirim untuk mengamankan "pemberontakan daerah" di daerah lain. Menurut Mestika Zed *et. al.* mengatakan bahawa polisi pertama lebih menimbulkan akibat perseorangan, sedangkan polisi kedua lebih bersifat semangat sepasukan (*corps*).[15]

Efek perseorangan yang dirasakan oleh militer di Sumatra Tengah adalah sebagian besar daripada ahlinya dipencenkan. Pengurangan bilangan militer lebih diutujukan kepada sebilangan kelompok militer yang berpendidikan rendah. Bilangan ini lebih banyak terdapat di daerah-daerah kerana pada masa mereka menjadi militer tidak kerana proses pendidikan militer yang memadai tapi lebih kerana panggilan nurani untuk membela tanah air dari serangan kaum penjajah. Tentera pencen (*veteran*) perang banyak yang dipulangkan ke kampung halaman mereka masing-masing tanpa dicarikan jalan keluar bagi mereka semua. Banyak di antara mereka yang merasa "*habis manis sepah dibuang*".

Re-Ra yang dilakukan membawa akibat yang luas secara nasional. Namun para perwira dan semua veteran perang kemerdekaan menerima pukulan yang lebih hebat. Mereka terasa terhina ketika pasukan mereka diporak-porandakan oleh polisi militer di peringkat pusat. Banyak yang dikeluarkan dari tugas militer dan ada yang dipindahkan ke tempat lain. Hal yang tidak mungkin diterima oleh Sumatra Tengah adalah ketika satuan komando daerah ini dihilangkan.

Mestika Zed *et. al* menggambarkan secara sederhana keadaan yang dialami oleh militer di Sumatra Tengah pada masa itu sebagai berikut :

> "Setelah berperang sekian lama untuk Republik, tentara di Sumatra Barat (Tengah, *pen.*) telah memberikan kesetiaannya kepada pemimpin nasional, sehingga pusat tidak perlu meragukan sikap politik dan militer mereka. Tetapi daerah ini telah merasa diperlakukan tidak adil dan tak tahu berterima kasih dan diskriminatif. Meskipun kesungguhan pusat masih memerlukan pembuktian atas ketidakberpihakannya terhadap daerah-daerah provinsi yang baru sehabis kemerdekaan ini, tetapi semua ini belum dapat dipercaya.

Sebab tinadakan-tinadakan yang diambil atas Sumatra Barat (Tengah, *pen.*) seusai perang langsung dirasakan sebagai pukulan yang menyakitkan bagi sebagian besar prajurit".[16]

Untuk menunjukan rasa prihatin terhadap kawan-kawan yang terkena program Re-Ra, maka sejumlah perwira yang masih bertugas mencoba mengambil tindakan. Pada mulanya hanya hubungan-hubungan perseorangan untuk mengumpulkan sebanyak mungkin bekas anggota militer (Divisi Banteng) dengan harapan secara bersama-sama mereka dapat menemukan jalan keluar yang wajar. Kegiatan awal ini mendapat sambutan yang luas sehingga berkembang ide untuk mengadakan pertemuan (*reunion*). Kegiatan ini berlangsung pada 21 – 24 hb November 1956 di kota Padang.

Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk membincangkan nasib para pejuang yang kurang beruntung, baik kerana program Re-Ra maupun oleh sebab lain. Pertemuan yang dihadiri oleh sebilangan tokoh militer berpengaruh di Sumatra Tengah seperti Ahmad Husein, Soelaiman, Nurmathias, Kaharoediin Datuk Rangkayao Basa tersebut menyadari bahawa nasib yang dialami oleh para pejuang tersebut berkaitan erat dengan masalah yang terjadi di peringkat nasional. Oleh kerana itu, mereka beranggapan bahawa masalah tersebut baru dapat diselesaikan setelah krisis politik yang terjadi di tingkat nasional dapat diselesaikan.

Pada akhirnya, pertemuan lebih meberikan perhatian utama terhadap krisis politik pada tingkat nasional. Hal ini secara eksplisit dinyatakan bahawa untuk mengatasi persoalan yang terjadi diperlukan empat hal utama iaitu ; (1) perbaikan yang progresif dan radikal terhadap masalah pimpinan negara; (2) penyelesaian perpecahan dalam pimpinan tentera darat; (3) pemberian otonomi seluas-luasnya kepada daerah Sumatra Tengah; (4) menghapus kecenderungan semakin kuatnya birokrasi yang sentralistik, yang dinilai sebagai sumber stagnan dan rasuah dalam pembangunan.[17] Hasil pertemuan tersebut dirumuskan dalam suatu dokumen yang dikenal dengan *Dasar-Dasar Pokok Politik Perjuangan Dewan Banteng.*

Selesai pertemuan tersebut, Dewan Banteng menyampaikan hasilnya secara luas kepada masayarakat, terutama di Sumatra Tengah. Setiap hari muncul dukungan terhadap upaya yang dilakukan Dewan Banteng. Tetapi ketika program yang ada dimintakan

persetujuan pemerintah pusat, rencana mereka tidak pernah mendapat respons.[18]

Situasi politik berkembang menjadi lebih buruk ketika Muhammad Hatta mengudurkan diri sebagai wakil presiden pada tarikh 1hb Disember 1956. Hal ini wujud kerana Muhammad Hatta sudah merasakan bahawa dirinya dikucilkan dari proses pembuatan keputusan politik.[19] Di samping itu, ia sudah tidak dapat lagi menerima sikap politik yang dilakukan oleh Presiden Soekarno. Oleh kerana itu, bagi Muhammad Hatta, mengundurkan diri adalah jalan terbaik. Feith secara tajam mengamati bahawa peritiwa ini tidak dapat diterima oleh militer dan ahli-ahli politik sipil di luar Pulau Jawa.[20]

Bantahan militer dan kalangan sipil terhadap pengunduran diri Muhammad Hatta mendorong terjadinya penyatuan kekuatan sipil dan militer dalam menentang pemerintah pusat. Di Sumatra Tengah penyatuan ini mendapat sokongan luas dari kepemimpinan solidariti budaya, iaitu "*Tungku Tigo Sajarangan*".[21] Kondisi ini membuat sokongan rakyat semakin kuat terhadap Dewan Banteng.

Bagi Dewan Banteng, pengunduran diri Muhammad Hatta adalah bukti kegagalan melakukan tekanan (*pressure*) terhadap pemerintah pusat kerana salah satu hasil pertemuan yang mereka lakukan adalah tetap mempertahankan konsep kepemimpinan "Dwi-Tunggal"[22] dalam politik nasional. Artinya, pemerintah pusat tidak memberikan respon yang berati terhadap hasil pertemuan Dewan Banteng.[23]

Ketika dialog dengan pemerintah pusat menemukan jalan buntu, muncul gagasan untuk melakukan jalan pintas iaitu mengambil alih jawatan Gabenor Sumatra Tengah yang dipegang oleh Ruslan Muljohardjo. Gagasan ini tidak dapat dihambat oleh Gabenor Sumatra Tengah kerana ini adalah keinginan luhur masyarakat yang sejak sekian lama menuntut terciptanya pemerintahan yang dapat menjamin keadilan, kemakmuran dan kebahagiaan di seluruh wilayah Indonesia. Dengan sokongan sebagian besar kekuatan politik dan masyarakat, maka tarikh 21hb Disember 1956 berlangsung serah terima kuasa dari Ruslan Muljohardjo kepada Ahmad Husein.

Sekilas imbas, mungkin kita dapat kesan bahawa telah terjadi rampasan kuasa (kudeta), tetapi kalau ditelaah dari pidato yang disampaikan oleh Ruslan Muljohardjo yang

terjadi adalah penyerahan kekuasaan secara sukarela. Hal ini dapat disimak dari pidato Ruslan Muljohardjo sebagai berikut :

> "Tidaklah dapat disesalkan, jikalau di daerah-daerah timbul keinginan luhur pada tenaga-tenaga revolusioner yang tetap berpegang pada cita-cita proklamasi, untuk melepaskan jiwa dan bathinnya dari kungkungan suasana kacau dan keadaan yang serba tidak memuaskan dewasa ini. Tidaklah dapat dianggap sepi hasrat rakyat Sumatra Tengah, yang sejak sekian lama menuntut terciptanya suatu pemerintahan yang dapat menjamin keadilan, kemakmuran dan kebahagiaan yang merata di seluruh tumpah darah Indonesia. Keputusan Reuni Divisi Banteng Sumatra Tengah pada tanggal 24 hb November adalah cermin dari keinginan-keinginan yang sedemikian itu.
>
> Setelah Dewan Banteng merundingkan dengan saya selaku Gabenor/ Kepala Daerah Provinsi Sumatra Tengah segala sesuatu mengenai keadaan serba kacau dan ruwet dewasa ini, terutama mengenai hal-hal yang membawa akibat langsung bagi keadaan rakyat dan daerah Sumatra Tengah, maka saya dapat menyetujui dan menghargai cara yang telah dikemukakan Dewan Banteng tersebut iaitu menyerahkan kendali Pemerintah Daerah Provinsi Sumatra Tengah buat sementara waktu kepada ketua Dewan Banteng, Letnan Kolonel Ahmad Husein. Saya yakin inilah satu-satunya jalan yang baik ditempuh agar keutuhan Negara Republik Indonesia tetap dapat dipelihara.
>
> Saya mengetahui dan yakin sepenuhnya bahawa rakyat Sumatra Tengah tidak bersifat provinsialis dan bahawa tenaga-tenaga revolusionir di Sumatra Tengah tetap memperjuangkan cita-cita proklamasi. Oleh sebab itu dengan penuh kesadaran dan keinsyafan saya menyerahkan kendali pemerintahan daerah Propinsi Sumatra Tengah kepada Ketua Dewan Banteng, saudara Letnan Kolonel Ahmad Husein, kerana ini adalah satu-satunya jalan untuk menyalurkan keinginan-keinginan rakyat Sumatra Tengah, agar gelora perasaan tidak puas dapat dibendung".[24]

Memperhatikan pidato yang disampaikan oleh Ruslan Muljohardjo dalam serah terima jawatan kepada Ahmad Husein di Bukittinggi adalah tidak cukup kuat alasan untuk mengatakan bahawa telah terjadi rampasan kuasa. Meskipun demikian ada pertanyaan lain yang patut dikemukakan, kenapa Ruslan Muljohardjo begitu mudah menerima keinginan Dewan Banteng untuk melakukan peralihan kekuasaan?

Ada beberapa perkara yang dapat menjelaskan peristiwa ini. ***Pertama***, penyerahan kendali pemerintahan hanya untuk sementara waktu, kerana tidak mungkin bagi Ruslan menerajui pemerintahan di tengah kuatnya krisis kepercayaan di Sumatra Tengah kepada

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A510918313

pemerintah pusat. Padahal, ia adalah wakil pemerintah pusat di daerah Sumatra Tengah. ***Kedua***, adanya sekatan psikologi yang dialami oleh Ruslan Muljohardjo untuk menolak keinginan Dewan Banteng kerana pada waktu ia ditunjuk menjadi Gabenor Sumatra Tengah ia ditolak oleh kekuatan-kekuatan yang ada di Sumatra Tengah. Di samping itu, gerakan yang terjadi di daerah adalah bentuk cabaran terhadap dominasi politik pusat (juga Jawa). Ruslan adalah wakil pusat yang sekaligus berasal dari Pulau Jawa. Menghambat keinginan Dewan Banteng dapat memperuncing situasi krisis yang sedang terjadi. ***Ketiga***, dari latar belakang politik, Ruslan Muljohardjo berasal dari Parti Masyumi. Pada waktu itu keinginan Dewan Banteng mendapat dukungan besar dari Parti Masyumi di Sumatra Tengah. Apalagi posisi Parti Masyumi makin terdesak di peringkat nasional[25] dan ada kecenderungan tokoh-tokoh Masyumi memberikan sokongan terhadap gerakan yang dilakukan oleh Dewan Banteng.[26]

Meskipun Ahmad Husein memimpin Sumatra Tengah, tetapi ia bukanlah seorang *acting* gabenor, apalagi menjadi seorang gabenor. Kerana untuk menjadi *acting* gabenor atau menjadi gabenor harus mendapat persetujuan pemerintah pusat. Peristiwa yang terjadi terhadap Ruslan Muljohardjo adalah di luar kehendak pemerintah pusat. Oleh kerana itu, mengikut kepada kenyataan pemerintah pusat pada tanggal 25 hb Disember 1956 Ahmad Husein hanya disebut sebagai "Ketua Daerah" yang melaksanakan pemerintahan militer.[27]

Upaya yang dilakukan oleh Dewan banteng di Sumatra Tengah mendapat sokongan nyata dari berbagai kekuatan. Hal ini dapat dibuktikan dari dua hal. *Pertama*, banyak daerah melakukan hal serupa seperti yang dilakukan oleh Dewan Banteng. Bahkan tindakan yang dilakukan oleh Dewan Banteng menjadi contoh bagi daerah lain untuk mencabar kerajaan pusat.[28] Misalnya Dewan Gajah di Sumatra Utara yang diterajui oleh Kolonel Simbolon, Dewan Gaaruda di Sumatra Selatan yang diterajui oleh Kolonel Muhammad Nuh, dan Permesta di Sulawesi yang diterajui oleh Letnan Kolonel H.N.V Samual.

Kedua, semakin bertambahnya bilangan sokongan dari ahli-ahli poltik sipil terutamanya dari Parti Masyumi dan juga dari Soemitro Djojohadikusoemo dari Parti Sosialis Indonesia (PSI) dan Asaat. Bahkan PSI memberikan sokongan terbuka kepada Dewan

Banteng, sebagi berikut :

> "PSI dengan penuh keyakinan bahawa dengan sokongan seluruh rakyat, Dewan Banteng akan sanggup memenuhi kewajipan untuk memimpin dan melanjutkan perjuangan rakyat di daerah untuk mempertinggi tingkat penghidupan, pendidikan dan kemajuan rakyat banyak dalam masyarakat yang disusun baru".[29]

Sokongan yang begitu besar memberikan kepercayaan diri yang tinggi kepada Dewan Banteng bahawa mereka mampu menghadapi kerajaan pusat. Selain itu, ahli-ahli politik sipil pusat yang menyokong Dewan Banteng melihat bahawa mereka dapat memaksa Jakarta untuk melakukan perubahan. Hal inilah yang dijadikan modal oleh Dewan Banteng untuk bertindak lebih keras. Apatah lagi pemerintah pusat tidak menerima tuntutan yang disampaikan oleh Dewan Banteng.

Keadaan berkembang dengan cepat, pada 10 hb Februari 1958 Dewan Banteng menyampaikan ultimatum kepada pemerintah pusat dengan tuntutan antara lain sebagai berikut: (1) menuntut agar Kabinet Djuanda[30] dibubarkan dalam tempoh 5 x 24 jam dan memgembalikan mandatnya kepada presiden, (2) supaya Muhammad Hatta dan Sultan Hemingkubowono IX ditunjuk sebagai formatur dalam membentuk kabinet baru. Kabinet baru diberi kesempatan sepenuhnya untuk bekerja sampai pilihan raya dilaksanakan, (3) agar Presiden Soekarno/ pemangku presiden membatasi diri sesuai dengan perlembagaan. Ultimatum ini lebih tegas mengatakan bahawa apabila tuntutan ini tidak dipenuhi maka akan diambil kebijaksanaan sendiri.

Segera setelah kata-dua disampaikan oleh pimpinan Dewan Banteng, Kabinet Djuanda membahas ultimatum tersebut, kemudian mengelaurkan sikap tegas menolak kemahuan Dewan Banteng dan bahkan memerintahkan Ketua Tentera Darat memecat langsung dan menangkap para penyokong yang ada di belakang gerakan tersebut. Sikap pemerintah pusat ini diikuti dengan langkah nyata iaitu membekukan Militer Sumatra Tengah dan menghentikan hubungan darat mahupun udara dengan Sumatra Tengah.

Penolakan pemerintah pusat terhadap ultimatum tersebut membuat Dewan Banteng melakukan tindakan yang paling keras iaitu pada 15 hb Februari 1958 Dewan

Mengumumkan "pengistiharan" pemerintahan tandingan dengan sebutan *"Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI)"*. Dewan pengistiharan ini, Dewan Banteng merasa bahawa mereka terbebas dari kewajipan untuk mentaati pemerintah pusat dan Presiden Soekarno sebagai kepala negara.

Untuk mengahadapi pemerintahan tandingan yang dibuat Dewan banteng, pemerintah pusat melakukan dua langkah nyata. *Pertama*, melakukan operasi militer untuk melumpuhkan PRRI. Operasi ini digambarkan oleh Saafroeddi Bahar sebagai gabungan operasi militer terbesar pertama dalam sejarah Republik Indonesia.[31] *Kedua*, membahagi Sumatra Tengah menjadi tiga propinsi dan sekaligus membentuk pemerintahan sipil Sumatra Barat dengan melantik Kaharoeddin Datuk Rangkayo Basa sebagai Penyelaras Pemerintahan Sipil pada 5 hb Mei 1958.

III. 2. Gabenor Pertama Sumatra Barat : Gabenor di Tengah Pergolakan

1. Membentuk Pemerintahan Sipil

Langkah awal yang dilakukan oleh pemerintah pusat dalam membentuk pemerintahan sipil di Sumatra Barat adalah mengirim satu misi khas iaitu "Missi Pemerintah Pusat ke Sumatra Barat" yang dipimpin oleh wakil Perdana Menteri Hardi, misi lebih dikenal dengan Misi Hardi.[32] Misi ini bertugas untuk membentuk pemerintahan sipil dan diberi kewenangan penuh untuk mengangkat pegawai-pegawai pemerintah sipil yang diperlukan di Sumatra Barat.

Menentukan tokoh yang cocok untuk memimpin pemerintahan sipil ketika itu bukanlah kerja yang mudah bagi Misi Hardi kerana tokoh-tokoh yang ada pada umumnya tidak di daerah, kalaupun ada yang di daerah majoriti mereka sedang "bersembunyi" di daerah-daerah yang jauh dari Bukittinggi atau kota Padang. Pemerintah pusat tidak ingin melakukan kesalahan dalam menentukan tokoh yang tepat kerana ini dapat mengganggu proses perdamaian (*reconciliation*). Pilihan akhirnya jatuh kepada Kaharoeddin Datuk Rangkayo Basa (KDRB) Ketua Polis Sumatra Tengah. Ia pernah bergabung dengan Dewan Banteng dalam memperjuangkan nasib daerah kerana pembangunan yang tidak merata antara

daerah-daerah di luar pulau Jawa dengan daerah di pulau Jawa. Dengan pengangkatan ini, dia adalah Gabenor Sumatra Barat pertama sejak Sumatra Tengah dibagi menjadi beberapa propinsi. KDRB diangkat oleh pemerintah pusat dalam suasana daerah yang sedang bergolak.[33]

Pemilihan KDRB kerana beberapa pertimbangan. ***Pertama,*** KDRB adalah tokoh yang pintar, cukup berwibawa serta dapat dipercaya oleh pemerintah pusat Hal ini dapat dibuktikan ketika ia secara terbuka menolak keinginan untuk membawa kepolisian daerah bergabung ke dalam PRRI. Bahkan KDRB menarik diri dari Dewan Banteng kerana tidak setuju dengan tindakan mengistiharkan PRRI. Bagi pemerintah pusat ini sudah cukup alasan untuk memilih KDRB sebagai kepala pemerintahan sipil di Sumatra Barat.

Pandangan pemerintah pusat terhadap KDRB secara eksplisit disampaikan dalam pidato Hardi pada acara pelantikan *acting* gabenor Sumatra Barat tanggal 17 Mei 1958. :

> "Kami yakin bahawa Saudara yang sejak adanya pergolakan di daerah ini selalu menunjukan kesetiaan kepada pemerintah pusat, akan melanjutkan usaha Saudara hingga keadaan di Sumatra Barat menjadi pulih dan aman kembali, sehingga rakyat akan dapat mengeyam kebahagiaan".[34]

Meskipun dalam pidato Hardi mengatakan bahawa KDRB adalah putra daerah, tetapi hal ini bukanlah faktor yang paling utama kerana pemerintah pusat tetap memerlukan tokoh yang mempunyai kesetiaan tinggi terhadap kepentingan pemerintah pusat di daerah. Mengikut kepada pendapat Kamardi Rais Datuk P. Simulie[35] hanya KDRB pemimpin Sumatra Barat yang di daerah yang masih dipercaya oleh pemerintah pusat pada masa itu.

Kedua, KDRB adalah "putra daerah" yang sudah lama bertugas di Sumatra Tengah (Barat). Oleh kerana itu ia akan lebih diterima sebagai pemimpin dibanding dengan tokoh yang didatangkan dari daerah lain, apalagi bukan putra daerah. Pemerintah pusat sudah mempunyai pengalaman ketika melantik Ruslan Muljohardjo sebagai *acting* gabenor pada tahun 1950. Kerana bukan putra daerah, maka ia ditolak secara terbuka oleh kekuatan-kekuatan yang ada di daerah.

Pandangan terhadap isu putra daerah ini secara eksplisit juga terdapat dalam pidato Hardi:

> "Kami atas nama misi pemerintah dan atas nama pemerintah Republik Indonesia hari ini akan melantik Saudara KDRB, maka hal ini sesungguhnya kami laksanakan dengan perasaan gembira dan dengan kepercayaan penuh: sebab kami menginsyafi bahawa Saudara adalah seorang putra daerah yang berpembawaan jujur dan cakap dan telah menunjukan memiliki semangat yang besar di dalam menghadapi suatu keadaan yang bergolak".[36]

Ketiga, KDRB adalah seorang tokoh adat di Sumatra Barat. Hal ini dapat dilihat dari "gelar" Datuk yang ada di tengah namanya. Artinya, secara sosial budaya dia adalah pemimpin informal yang diakui oleh masyarakat adat di Sumatra Barat. Oleh kerana itu, kehadirannya sebagai pimpinan daerah akan lebih mudah diterima oleh masyarakat di daerahnya.

2. *Pergantian Gabenor di Tengah Dominasi PKI*

Pada akhir tahun 1961 PRRI secara teori sudah tidak ada lagi kerana pada kahir tahun 1960 hampi seluruh wilayah di Sumatra Barat sudah dikuasai oleh tentara pusat. Hal ini tentu semakin memudahkan KDRB menjalankan pemerintahan. Tetapi bersamaan dengan habisnya pengaruh PRRI, pengaruh komunis mulai menguat di Sumatra Barat. KDRB adalah tokoh yang paling anti dengan komunis. Ini tentunya menyulitkan posisinya sebagai gabenor ketika itu. Apalagi pada masa ini pengaruh komunis sangat dominan dalam perkembangan politik Indonesia.[37]

Kekuatan Parti Komunis Indonesia (PKI) di Sumatra Barat sudah dapat dikenal pasti berdasarkan hasil pilihan raya kebangsaan tahun 1955 (**lihat Jadual 3.1**). Walaupun hanya memperoleh suara 7%, tetapi PKI berhasil menjadi kekuatan politik ketiga setelah Masyumi dan Parti Islam Perti, dan menyisihkan Parti Islam Indonesia (PII) diurutan keempat dan Parti Serikat Islam Indonesia (PSII) diurutan kelima. Posisi PKI menjadi lebih kuat ketika Masyumi dibubarkan oleh Presiden Soekarno pada akhir tahun 1960[38], kerana parti ini dianggap memberikan sokongan penuh untuk terbentuknya PRRI.

Jadual 3.1.
Keputusan Pilihan Raya 1955 Kebangsaan di Sumatra Barat (Tengah)

No.	Parti	Bilangan Suara	%
1	Masyumi	480,521	49
2	Perti	271,513	28
3	PKI	61,591	7
4	PII	29,223	4
5	PSII	23,624	3

Sumber : Zed, *et. al* (1998)

Pengaruh PKI yang semakin meluas dapat dilihat berdasarkan jumlah anggota DPRD Sumatra Barat ketika itu. Dari 14 kerusi parti politik PKI mendapatkan 3 kerusi yang hanya satu kerusi lebih kecil dibanding Perti dengan 4 kerusi. Sedangkan urutan ketiga adalah Parti Nasional Indonesia (PNI) dengan 2 kerusi. Lima parti lain mendapat masing-masing satu kerusi.[39] Denga komposisi seperti ini, PKI menjadi kekuatan parti politik dominan di DPRD Sumatra Barat kerana Perti dikenal dekat dengan PKI yang sebagian besar unsur pimpinannya telah disusupi oleh PKI.[40]

Berdasarkan keadaan di atas, PKI memiliki posisi majoriti DPRD Sumatra Barat. Hal ini tentunya menyulitkan KDRB untuk dapat bekerja sama dengan DPRD. Pada peringkat nasional pun, situasi politik bergerak ke arah yang berlawanan dengan prinsip KDRB. Usaha untuk mengagungkan Soekarno dan keluarganya ditentang secara terbuka oleh KDRB. Hal ini terbukti dengan penolakan KDRB untuk memberikan gelar "Bundo Kandung Agung"[41] kepada istri Soekarno, Hartini.

Penolakan KDRB terhadap pemberian gelar kepada Hartini, diperkiaran, telah menjadi alasan kuat untuk menyingkirkannya dari kerusi gabenor. Hal ini dapat dibaca dalam Biografinya yang ditulis oleh Hasril Chaniago dan Khairul Jasmi :

> "Sukar, bahkan mustahil, untuk mendapatkan ada atau tidaknya kaitan langsung antara kedua kejadian ini; antara kes gelar Bundo Kandung Agung dengan tamatnya masa jawatan KDRB sebagai gabenor. Namun yang jelas, tak lama setelah peristiwa 'pembangkangan' tersebut KDRB menerima khabar bahawa ia telah diberhentikan".[42]

Dengan Keputusan Presiden No. 195 Tahun 1965 KDRB diberhentikan sebagai gabenor Sumatra Barat. Ia digantikan oleh Soepoetro Brotodiredjo seorang pegawai kanan pada Kementerian Dalam Negeri. Dengan perlantikan, peristiwa perlantikan Ruslan Muljohardjo berulang semula iaitu seorang *acting* gabenor dilantik tanpa merundingi DPRD dan tokoh yang diangkat juga berasal dari Jawa. Kemudian, diketahui, Soepoetro Brotodiredjo seorang tokoh yang diterima secara luas oleh kelompok komunis.

Catatan Bab III

1 PPKI adalah sebuah badan yang bertugas mempersiapkan segala sesuatu tentang rancangan Indonesia merdeka. PPKI berjaya menetapkan UUD 1945, memilih Presiden dan Wakil Presiden dan membahagi wilayah Indonesia menjadi bebarapa propinsi.

2 Penetuan yang akan duduk di DPS hanya berasaskan kepada perlantikan sahaja, tidak mengikut pada pilihan raya.

3 Diantara tugas pokok Komisariat Pemerintah Pusat ini adalah :
a. Pembentukan daerah otonom dalam propinsi.
b. Menjalankan tugas Gabenor Sumatra sampai diserahkan kepada semua Gabenor yang ada di Sumatra.
c. Merencanakan susunan pegawai bagi kantor-kantor daerah otonom.

4 Mestika Zed *et. al.*, (1998), *Sumatra Barat di Panggung Sejarah 1945-1995*, Sinar Harapan, Jakarta.

5 Mosi ini diambil dari nama seorang pengusul iaitu Tan Tuah Bagindo Ratu. Mosi ini disokong lebih dari 50% (15 orang) anggota DPRST yang hadir dalam pertemuan tersebut. Penolakan terhadap gabenor hanya salah satu tuntutan kerana masih ada tuntutan lain melarang pemakaian kendaraan becak di Sumatra Tengah dan meminta pemerintah pusat agar melantik pengurusi DPRST menjadi gabenor baru.

6 Keterangan lebih lanjut tentang hal ini dapat dibaca dalam Mestika Zed et. al., (1998) *lo. cit* dan Hasril Chaniago (2000), *Pengalaman Sumatra Barat Mencari Gubenor*, Mimbar Minang, Padang.

7 Muhammad Natsir adalah Pegurusi Parti Masyumi berasal dari Sumatra Barat.

8 Assaat adalah tokoh parti Masyumi yang juga berasal dari Sumatra Barat.

9 Temuduga dengan Kamardi Rais Datuk P. Simulie di Padang pada tanggal 4 Agustus 2000. Dalam temuduga ini beliau secar jelas mengatakan bahawa Ruslan Muljohardjo adalah "anak emas" Muhammad Hatta.

10 LihatHasril Mestika Zed *et. al.*, (1998), Chaniago (2000), *loc. cit.*
Hal yang sama juga disampaikan oleh Kamardi Rais Datuk P. Simulie dalam temuduga 4 Ogos 2000.

11 Kamardi Rais Datuk P. Simulie, (1993), *Kata Pendahuluan*, dalam Cabik-cabik Bulu Ayam, Padang.

12 Empat nama yang diusulkan tersebut adalah Iljas Jacoub, M. Djamil, A. Rahim Usman dan Sutan M. Rasjid.

13 Program Re-Ra dilakukan setelah Satuan-satuan Bersenjata Tentera Darat meletakkan pasukannya di depan istana presiden Soekarno sambil menghadapkan meriam ke pintu istana, Tentera Darat mendesak presiden untuk membubarkan parlimen. Tetapi presiden menolak keinginan ini.
Dengan dalih melakukan efisiensi dan profesionalima militer pemerintah pusat merencanakan untuk mengurangkan bilangan militer sampai kepada 50%. Lebih jauh dapat dibaca dalam Crouch

(1986).

14 Nama Batalion Pagaruyung diambil dari nama sebuah perkampungan tua di Sumatra Barat , dimana, daerah ini adalah tempat kerajaan tua di Minagkabau yang dikenal dengan kerajaan Pagaruyung.
Batalion Pagaruyung adalah batalion yang besar jasanya untuk mempertahankan kemerdekaan. Setelah Re-Ra nama batalion ini hilang, sedangkan anggota-anggotanya dipecah-pecah dan digabungkan ke dalam beberapa kesatuan militer lainnya.

15 Mestika Zed *et. al.*, (1998), *op. cit.*

16 Mestika *Zed et. al.*, (1998), *ibid.*

17 Hasil-hasil lain secara lebih rinci dapat dilihat dalam "Keputusan Reuni ke-I Ex. Divisi Dewan Banteng Sumatra Tengah "pada bagian Dasar-Dasar Pokok Politik Perjuangan Dewan Banteng". Hasil lebih rinci dari pertemuan Dewan Banteng dapat dibaca dalam Leirissa (1991).

18 Baca Leirissa (1991), *PRRI-Permesta: Strategi Membangun Indonesia Tanpa Komunis*, Gafiti, Jakarta.

19 Vishal Singh, (1959), *The Political Situation in Indonesia*, BHM Vlake.

20 Herbert Feith (1962), *The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia*, Cornel University.

21 Tungku Tigo Sajarangan adalah konsep kepemimpinan tradisional masyarakat Minangkabau (di Sumatra Tengah) yang terdiri dari *Penghulu*, *Alim-Ulama* dan *Cerdik-Pandai*.

Penghulu adalah pimpinan masyarakat hukum adat. Alim-Ulama adalah pimpinan yang berasal dari kalangan agama. Sedangkan cerdik-pandai adalah kelompok cendikiawan.

22 Dwi-Tunggal adalah simbol kepemimpinan nasional Indonesia pada masa awal kemerdekaan. Dua (Dwi) orang tokoh iaitu Soekarno dan Hatta menjadi satu (tunggal) dalam mengambil kebijakan dalam mempertahankan kemeerdekaan. Bagi daerah, Dwi-Tunggal adalah penggabungan kepeentingan Jawa dengan luar Jawa. Oleh kerana itu, konsep ini harus tetap dipertahankan.

23 Salah satu hasil keputusan Dewan Banteng yang terdapat dalam Dasar-Dasar Pokok Politik Perjuangan Dewan Banteng adalah mempertahankan Dwi-Tunggal Soekarno-Hatta.

24 Pidato lengkap serah terima jawatan dapat dilihat dalam "*Pidato-Pidato Timbang Terima Propinsi Sumatra Tengah*", oleh Jawatan Penerangan Sumatra Tengah.

25 Dari emapat parti besar pemenang pemilu 1955 (lihat catatan no. 3 Bab II) tiga parti iaitu PNI, PKI dan NU semakin memperlihatkan dukungan besar terhadap Soekarno sentralisasi politik di Pulau Jawa. Apalagi hanya Masyumi yang mempunyai basis dukungan terbesar di luar Pulau Jawa terutama di Sumatra.

26 Diantara tokoh-tokoh Masyumi yang memberikan dukungan terhadap upaya Dewan Banteng adalah M. Natsir, Syafruddin Prawiranegara dan Burhanuddin Harahap.

27 Lihat Mestika Zed *et. al.*, (1998) dan Hasril Chaniago (2000).

28 Fathria (1991), Dewan Banteng di Sumatra Barat (1956-1958), Skripsi S1, Fakulti Sastra, Unand, Padang.

29 Haluan, (19/8/1957).

30 Kabinet Djuanda dibentuk sendiri oleh Presiden Soekarno pada tahun 1957 tanpa mengambil kira kekuatan-kekuatan parti politik yang ada pada masa itu.

31 Saafroeddin Bahar (1998), Kata Pengantar, dalam Biografi Harun Zain, Sinar Harapan, Jakarta.

32 Rombongan ini terdiri dari lima orang menteri, sekitar 70 pegawai tinggi, lima anggota Dewan Nasional, dan lima orang wartawan.

33 Untuk mengetahui lebih jauh tentang Kaharoeddin Datuk Rangkayo Basa, dapat dibaca dalam Biografinya yang ditulis oleh Hasri Chaniago dan Khairul Jasmi (1998) dengan judul "Brigadir Jenderal Polisi Kaharoeddin Datuk Rangkayo Basa: Gabenor di Tengah Pergolakan", Sinar Harapan, Jakarta.

34 Pidato ini disampaikan oleh Hardi dalam perlantikan KDRB sebagai Gabenor Sumatra Barat tahun 1958. Pidato ini dihimpun dalam Sumatra Barat Menulis Halaman Baru.

35 Kamardi Rais Datuk P. Simulie adalah salah seorang wartawan senior di Sumatra Barat yang menjadi saksi sejarah peristiwa-peristiwa sepanjang tahun 1950-an, bahkan peristiwa-peristiwa lain setelah itu di Sumatra Barat.

36 Pidato, *op.cit.*

37 Pengaruh komunis pada jangka masa ini di Indonesia dapat dibaca dalam Sekretariat Negara Republik Indonesia (1994), Harold Crouch (1986). Sedangkan pengaruh komunis di Sumatra Barat pada jangka masa ini dapat dibaca dalam Zed *et. al* (1998), John Fathria (1991) dan Novriyasman (1988).

38 Tekanan terhadap Parti Masyumi pada era Orede Lama dapat dibaca dalam Syafii Ma'rif (1988), *Islan dan Politik di Indonesia pada Masa Demokrasi Terpimpin,* IAIN Sunan Kalijaga, Press, Yogyakarta.

39 Parti kecil yang mendapat satu kerusi adalah NU, PSII, Murba, Parti Indonesia (Partindo) dan Parti Khatolik.

40 Lihat Hasril Chaniago dan Khairul Jasmi (1998).

41 Bagi orang Sumatra Barat gelar Bundo Kandung adalah simbol keagungan seorang perempuan. Barangkali, menurut KDRB Istri Soekarno tidal layak mendapat gelar ini kerana tidak menampilkan keagungan tersebut. Apalagi, perkawinan Soekarno dengan Hartini sangat kontroversial kerana ketika hendak menikah denga Soekarno, Hartini masih terikat perkawinan dengan lelaki lain.

42 Khairul Jasmi dan Hasril Chaniago, (1998).